



## **SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 6 TAHUN 1985**

### **PERATURAN MENGENAI PEGAWAI KERAJAAN YANG MENJADI ISTERI KEPADA PEGAWAI KERAJAAN DAN ATTACHE TENTERA YANG MENGIKUTI KURSUS DI INTAN**

#### **1. TUJUAN**

1.1 Tujuan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini ialah untuk menjelaskan peraturan yang boleh digunakan oleh Ketua-ketua Jabatan apabila menimbangkan permohonan seseorang pegawai wanita yang menjadi isteri kepada seseorang pegawai Kerajaan termasuk Pegawai Polis atau Attache Tentera untuk mengikuti kursus-kursus berikut:

- (i) Kursus persediaan tertentu sebelum suaminya dihantar bertugas di Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negeri;
- (ii) Kursus isteri-isteri pegawai kanan Kerajaan.

#### **2. LATAR BELAKANG**

2.1 Kerajaan telah mengadakan kursus-kursus yang tertentu dari semasa ke semasa yang dianjurkan oleh INTAN untuk isteri-isteri kepada pegawai Kerajaan bagi membolehkan mereka memperolehi pengetahuan, kemahiran dan kesedaran dalam bidang-bidang tertentu supaya mereka dapat memainkan peranan yang berkesan dan manfaat kepada perkhidmatan suami dan juga negara.

### **3. PERATURAN YANG HARUS DIIKUTI**

3.1 Adalah dimaklumkan bahawa seseorang pegawai wanita yang menjadi isteri kepada pegawai Kerajaan ataupun Attache Tentera/Polis yang dikehendaki mengikuti kursus persediaan seperti yang dinyatakan di para 3 di atas yang dianjurkan oleh INTAN atau lain-lain penganjur yang diluluskan oleh Kerajaan, adalah dianggap mengikuti kursus dalam perkhidmatan. Dengan demikian pegawai yang berkenaan tidaklah perlu mengambil cuti rehat ataupun sebarang cuti lain yang terdapat di dalam Perintah Am Bab "C" untuk mengikuti kursus yang berkenaan. Di samping itu pegawai yang berkenaan juga adalah layak menikmati sebarang elaun atau kemudahan yang lazim dibayar kepada pegawai-pegawai yang berkursus seperti yang diperuntukkan di bawah Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9/1976 atau lain-lain peraturan yang berkaitan dengannya.

### **4. LIPUTAN**

4.1 Pegawai wanita yang menjadi isteri kepada Y.B. Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Setiausaha Politik dan juga pegawai kanan Kerajaan yang mengikuti kursus-kursus tersebut atau lain-lain kursus yang dianjurkan oleh pihak INTAN bolehlah juga menggunakan peraturan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan ini.

### **5. TARikh KUATKUASA**

5.1 Tarikh kuatkuasa peraturan ini adalah dari tarikh Surat Pekeliling ini.

### **6. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

6.1 Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling ini Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk mentadbirkan peraturan ini mengikut garis panduan seperti yang disebutkan di Surat Pekeliling ini.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(WAN AWANG BIN WAN YAACOB)

*Pengarah Bahagian Gaji dan Elaun,  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
MALAYSIA*

14hb Oktober 1985.

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian,

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.

s.k.

Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri,  
Ketua-ketua Pengurusan Badan-badan Berkanun,  
Ketua-ketua Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.